



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

JAWATAN	: PEGAWAI TADBIR GRED N10
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
JADUAL GAJI – GRED N10	: RM3,840.00 (minimum) - RM12,150.00 (maksimum)
ELAUN	: Imbuhan Tetap Keraian - RM400.00
	: Imbuhan Tetap Perumahan - RM400.00
	: Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM300.00
SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
	(i) Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
	(Gaji permulaan ialah pada Gred N10:RM3,840.00); dan
	(ii) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi, sama ada di institusi pendidikan, institusi latihan, syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun, agensi kerajaan atau organisasi bukan kerajaan (NGO); dan/atau
	(iii) Berpengalaman mengurus keseluruhan operasi sesebuah institusi atau syarikat, meliputi aspek pentadbiran, kewangan, sumber manusia, perolehan, pengurusan aset, pembangunan organisasi, pengurusan fasiliti serta tadbir urus organisasi.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA
MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab merancang, mengurus, menyelaraskan dan memantau keseluruhan operasi serta pentadbiran Institut Latihan Islam Pulau Pinang (ILIPP) yang merangkumi pengurusan program latihan, pentadbiran, kewangan, perolehan, aset, fasiliti, sumber manusia, penyediaan laporan dan kertas cadangan, pembangunan strategik institusi, jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi serta memastikan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara cekap, berintegriti dan berkesan selaras dengan dasar serta objektif Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

TARAF JAWATAN

4. KONTRAK

PENEMPATAN

5. Institut Latihan Islam Pulau Pinang,
Jalan Pantai Aceh, Balik Pulau

JAWATAN

: PEGAWAI TADBIR GRED N9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

JADUAL GAJI – GRED N9 : RM2,250.00 (minimum) - RM11,110.00 (maksimum)

ELAUN : Imbuhan Tetap Keraian - RM300.00

: Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00

: Bayaran Imbuhan Sara Hidup - RM300.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00);
atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penghulu, Penolong Pegawai Tanah, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 dan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT5, NT6, NT7 atau NT8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii)berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan urusan pentadbiran, kewangan, sumber manusia, perolehan, pengurusan aset, pembangunan organisasi, penyelarasan program, penyediaan kertas cadangan dan laporan serta memastikan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus MAINPP dilaksanakan secara profesional, cekap, berintegriti dan mematuhi dasar serta peraturan yang berkuat kuasa.

TARAF JAWATAN

5. TETAP / KONTRAK

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, 8 & 9, Menara JKP
No.128, Jalan Macalister 10400
PULAU PINANG.**

pada atau sebelum **28 OGOS 2026.**

Catatan Am:

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menjalani ujian dan temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri.
- (d) Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.
- (e) Keutamaan akan diberi kepada **anak Negeri Pulau Pinang** yang cergas dan mempunyai daya inisiatif/ komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam.